

28 SEP 1999

MAHATHIR-PERNIAGAAN

M'SIA SEDIA PENUHI KEPERLUAN PELABUR ASING BAGI IT

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Malaysia bersedia untuk mendengar dan bertindak bagi memenuhi pelbagai keperluan pelabur asing dengan pengalaman yang ada dalam industri maklumat yang berkembang dengan begitu pantas, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata ini memandangkan kepada sasaran Malaysia untuk menjadi peserta utama dalam industri di mana Koridor Raya Multimedia (MSC) diwujudkan untuk menjadi medan ujian bagi produk ringan dan berat dalam era siber.

"Seperti dalam industri elektronik, apabila kami tidak mempunyai teknologi, modal atau pasaran, kami bersedia untuk membuka negara kepada pelabur asing.

"Meskipun kegawatan ekonomi, kami tidak memperlahankan pembangunan MSC, malahan ia siap lebih awal daripada jadual daripada segi prasarana dan sasaran bagi pelaburan oleh syarikat-syarikat bertaraf dunia," katanya.

"Kami mensasarkan 50 syarikat seumpama itu menjelang 2003 tetapi kami telahpun memperolehi 33 daripadanya sekarang," kata Dr Mahathir pada majlis perasmian Majlis Perniagaan Malaysia-AS (MUSBC) di Washington Selasa.

Teks ucapannya dikeluarkan di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata MSC yang dibentuk oleh Malaysia dianggap sebagai sesuatu yang unik oleh pihak-pihak yang terlibat di dalam industri itu.

"Panel Penasihat Antarabangsa yang terdiri daripada tokoh-tokoh yang berjaya dalam perniagaan multimedia, penyelidikan dan pembangunan telah membolehkan kita mengikuti perkembangan pemikiran terkini dan kemajuan dalam era maklumat dan membuat peruntukan bagi mereka daripada segi undang-undang siber, amalan, keperluan prasarana dan dasar-dasar," katanya.

Perdana Menteri juga berharap ahli-ahli perniagaan Amerika dapat memahami dan menghormati cara Malaysia menjalankan perniagaan dengan menyatakan ia adalah bertujuan untuk membawa kemakmuran terutama kepada rakyat.

Menurutnya, Malaysia memilih untuk mengenakan kawalan modal terpilih daripada membuat pengunduran mendadak atau pusingan 180 darjah dalam dasar-dasar, dalam usaha untuk mengembalikan semula kestabilan dan sesuatu yang dapat dijangka, di mana ia sesuatu yang baik bagi perniagaan.

"Anda akan mendapati menjalankan perniagaan di Malaysia tidak lagi perlu dianggap sebagai satu pertaruhan dan anda juga tidak perlu melindungi nilai. Ia akan menurunkan kos anda dan memudahkan untuk membuat belanjawan," katanya.

Justeru, beliau berkata keperluan paling utama dalam dunia hari ini adalah persefahaman, di mana ia memerlukan beberapa sekatan di setiap pihak kerana "kritikan yang tidak dikawal terhadap pihak lain tidak akan menyumbang ke arah persefahaman antara satu sama lain."

"Sukar untuk menjalankan perniagaan jika kita tidak menghargai orang lain yang mungkin melakukan perkara berbeza dengan kita. Jika kita menghargainya, persefahaman antara satu sama lain akan mudah diperolehi," kata Dr Mahathir.

Kemudiannya, dalam ucapan di majlis makan tengah hari, beliau berkata Malaysia keliru apabila terus dikecam setiap hari kerana didakwa kurang memberikan komitmen kepada pembaharuan berstruktur sedangkan pada masa yang sama ia telahpun mengambil langkah sebenar bagi banyak pembaharuan struktur.

"Kami dihujani dengan nasihat tidak berhenti-henti dan penghujahan

intelektual mengenai keperluan menjual bank kepada pelabur asing - bagi memastikan permodalan yang mencukupi, bagi memastikan faedah hasil daripada bank-bank asing yang akan memperkenalkan kaedah canggih dalam perbankan yang boleh memastikan produktiviti serta meningkatkan persaingan dan sebagainya," katanya.

"Adakah pakar intelektual, pakar ekonomi, kapitalis dan wartawan asing yang hebat ini tidak tahu bahawa Malaysia menghadapi masalah lebih modal dan kecairan," tambahnya.

Dr Mahathir menyatakan bank-bank Malaysia sudahpun dipermodalkan semula sepenuhnya dan Malaysia telahpun mempunyai bank asing sejak lama dahulu dan malahan mereka memiliki satu pertiga daripada semua aset perbankan.

"Saya rasa 50 peratus daripada kecaman yang kononnya Malaysia mengabaikan pembaharuan struktur mungkin akan lenyap jika sekiranya kita bersetuju menjual semua bank kita kepada orang asing manakala sebahagian lagi mungkin jika kita memberikan galakan sepenuhnya kepada modal asing untuk membeli keseluruhan penghasilan Malaysia," tambahnya.

Perdana Menteri berkata negara tidak perlu menjual kekayaan keluarga apabila tiada keperluan untuk tunai dan dengan demikian tiada alasan untuk menjual syarikat Malaysia dengan harga murah kerana tekanan yang dihadapi telah berjaya diredakan oleh kawalan modal terpilih.

Beliau berkata satu-satunya alasan bagi kawalan itu adalah untuk menstabilkan ringgit dan bukan untuk menebatnya dan serangan ke atas baht Thai baru-baru ini menunjukkan keadaan masih belum lagi selamat ketika ini.

Malaysia juga tidak menutup pintu kepada ekonomi dunia, bercanggah dengan apa yang dilaporkan oleh "International Herald Tribune" ketika kawalan dikenakan.

"Sebagai negara dagangan ke-17 terbesar di dunia, kami seolah-olah membunuh diri jika menutup pintu. Sememangnya kami tidaklah begitu pintar, tetapi kami juga tidak bodoh. Dagangan kami dengan dunia sebenarnya semakin meningkat manakala pelaburan langsung asing dan pelancong asing masih lagi berduyun-duyun datang ke Malaysia," tambahnya.

-- BERNAMA

MR/SO ZK OS